

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Berdasarkan berbagai keterangan dalam kitab suci al-Quran dan hadis Nabi S.A.W, bahawa solat merupakan suatu kewajipan peribadatan (formal) yang paling penting dalam sistem keagamaan Islam, di mana secara umumnya ia diertikan sebagai suatu ibadat kepada Allah S.W.T dan pengagunganNya dengan bacaan-bacaan serta tindakan-tindakan tertentu yang dimulai dengan takbir dan ditutup dengan salam dengan tertib yang ditetapkan oleh Islam.

Umumnya, solat terbahagi kepada dua bahagian, iaitu solat fardu dan solat sunat. Solat fardu ialah solat lima waktu sehari semalam iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak yang dituntut melakukannya dan berdosa jika ditinggalkan. Manakala solat sunat pula ialah solat yang dianjurkan melakukannya namun tidak berdosa jika ditinggalkan. Contohnya solat sunat sebelum dan selepas solat fardu, solat hajat, solat tahajjud dan sebagainya.

Termasuk solat-solat sunat ialah solat tarawih yang kebiasaannya dianjurkan melakukannya di bulan Ramadan. Biasanya ia didirikan di masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah secara berjemaah dengan meriahnya. Akan tetapi di jajahan Kota Bharu agak berlainan sedikit kerana ia

dilakukan di kawasan terbuka dan lapang yang dikenali sebagai Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

Jadi skop kajian disertasi ini yang bertajuk “*Iḥyā’* Ramadan Melalui Solat Tarawih Dalam Masyarakat Kelantan” dikhkususkan di jajahan Kota Bharu terutamanya di Dataran MPKB, 3 buah masjid bandar dan 8 buah masjid mukim sebagai *sampel* kepada jajahan-jajahan lain di negeri Kelantan.

Sebenarnya, ibadat-ibadat sunat yang dianjurkan oleh Islam adalah sebagai suatu ibadat tambahan kepada ibadat-ibadat fardu, akan tetapi ia menjadi medan pertuturan dan pertikaian di kalangan masyarakat tatkala tibanya Ramadan terutamanya sekitar masalah solat tarawih. Di antara masalah yang selalu dipertikaikan ialah tentang rakaat, bacaan dalam solat, bacaan selawat antara solat dan sebagainya.

Pertikaian mereka terlihat jelas sebagaimana cerita Dr. Fadl Hassan ‘Abbas yang bertanya kepada seorang Syeikh (ulama) tentang solat tarawih yang mana pada waktu itu beliau dapati para makmun di masjid berkenaan berselisih faham mengenai solat tarawih sehingga ada yang bergaduh sesama sendiri. Lalu Syeikh itu menjawab : “Aku berpendapat bahawa adalah lebih elok masjid ini ditutup sahaja selepas solat Isyak, kerana kesatuan umat Islam adalah perkara yang paling penting sekali, sedangkan solat tarawih yang dipertikaikan ini adalah perkara sunat sahaja”.¹

Lebih menarik lagi apa yang dikatakan oleh imam as-Syafī'i tentang solat tarawih iaitu : “Tidak ada sedikit pun kesempitan dalam perkara ini dan tidak ada had yang perlu dibincangkan selanjutnya kerana solat tarawih adalah sunat sahaja. Sekiranya mereka memanjangkan *qiyām* dan mengurangkan masa sujud adalah elok, ianya amatlah aku sukai, demikian sekiranya mereka memperbanyakkan rukuk dan sujud juga adalah perkara yang elok”.²

Kata-kata imam as-Syafī'i itu merupakan perkara dasar yang perlu difahami oleh semua umat Islam kerana solat tarawih adalah sunat *muaakad* mengikut *ittifaq muslimin*. Maka adalah tidak patut perkara ini dapat memecahbelahkan umat Islam dengan membincangkan perkara yang remeh-temeh dan berpanjangan tanpa berkesudahan sehingga berlakunya pergaduhan dan bermasam muka.

Penulis berpendapat, kemungkinan pengetahuan sebilangan besar umat Islam tentang *kaifiyat* solat yang dilakukan di zaman Rasulullah S.A.W adalah sedikit dan hanya mengetahui dari sudut yang kecil sahaja. Keghairahan mereka dalam mengejar pahala yang berlipat-ganda di bulan Ramadan membuatkan mereka melampaui batas. Antara ketempangan dalam bertarawih ialah melakukannya dengan cepat tanpa meneliti makna-makna ayat yang dibaca, tidak membaca doa *iftitah*, melakukan iktidal dan sujud dengan pantas,

di *wasal* bacaan surah al-*Fatihah* iaitu membacanya dengan satu atau dua nafas sahaja dan sebagainya.

Sambutan ketibaan Ramadan dirasai sejak awal-awal lagi kerana umumnya rakyat Kelantan sentiasa dalam kebersamaan setiap waktu dan tempat. Contohnya jika ditinjau dari segi waktu berbuka puasa, mereka berpusu-pusu ke masjid, surau dan bergilir-gilir ke rumah jiran tetangga. Begitu juga ketika bersahur, berikikaf, sembahyang tasbih dan tadarus al-Quran. Semuanya dalam keadaan berjemaah.

Pelbagai agensi juga turut serta memainkan peranan dalam memeriahkannya. Antaranya ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong (MTAQ) dan lain-lain. Di antara program yang diadakan ialah tadarus al-Quran, solat tarawih berjemaah, majlis berbuka puasa, ceramah agama dan sebagainya dalam rangka menjayakan penghayatan bulan Ramadan, malah kerajaan negeri sendiri menjadikan bulan Ramadan sebagai “Bulan Melawat Kelantan”.

1.2 Latar Belakang Lokasi Kajian

1.2.1 Jajahan Kota Bharu

Negeri Kelantan ialah sebuah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Ia bersempadan dengan Terengganu di sebelah timur, Pahang di selatan, Perak dan Selatan Thai di sebelah barat dan Laut China Selatan di sebelah utara. Keluasannya 14,922 km persegi.³

Negeri ini terbahagi kepada 10 buah jajahan dan 63 buah daerah. Setiap jajahan di ketuai oleh ketua jajahan dan setiap daerah di ketuai oleh seorang penggawa. Jajahan tersebut ialah Kota Bharu, Pasir Putih, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang.

Lokasi kajian disertasi ini tertumpu kepada jajahan Kota Bharu yang merupakan ibu negeri Kelantan. Dari segi geografi, Kota Bharu terletak bersempadan dengan jajahan Tumpat dan Pasir Mas di sebelah barat, jajahan Bachok di sebelah timur, Laut China Selatan di sebelah utara dan jajahan Machang di sebelah selatannya.

Keluasannya ialah 409 Km persegi dengan bilangan penduduk yang berjumlah kira-kira 460,750 orang (bancian 1998) yang terdiri dari pelbagai

kaum dan bangsa. Pecahan penduduk mengikut kaum ialah Melayu 418,889 (91%), China 36,037 (7.8%), India 3,800 (0.8 %) dan lain-lain 2,024 (0.4 %).⁴

1.2.2 Keistimewaan Jajahan Kota Bharu.

Jajahan Kota Bharu berkait rapat dengan pelbagai peristiwa dan sejarah yang pernah berlaku di sana. Antaranya ialah Bank Pitis di sebelah pintu masuk Istana Balai Besar, rumah membuat bunga emas di perkarangan Istana Balai Besar, Bukit Marak yang dikatakan tempat bersemayam Puteri Saadong yang terletak lebih kurang 20 Km daripada bandar Kota Bharu, Masjid Muhammadi yang dibina pada tahun 1925 menjadi pusat penyebaran ilmu agama yang masyhur di nusantara sehingga dikenali sebagai “Serambi Mekah” pada waktu itu, Makam DiRaja di Langgar, Istana Balai Besar dan lain-lain.⁵

1.2.3 Penduduk Dan Suasana Masyarakat Kota Bharu.

Secara amnya, kegiatan sosial ekonomi di jajahan Kota Bharu menjadi tumpuan penduduk yang menyediakan berbagai peluang pekerjaan terutama di sektor perkhidmatan, pentadbiran, perhotelan, perkilangan, perdagangan, pertanian dan lain-lainnya yang menjadi penyumbang utama kepada guna tenaga yang melebihi 50 %.⁶

Dari aspek pendidikan, di jajahan Kota Bharu terdapat tiga pusat pengajian tinggi iaitu Institut Teknologi Mara Cawangan Kelantan, Pusat Pengajian Perubatan Universiti Sains Malaysia dan Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya. Di samping itu juga, terdapat beberapa Kolej Swasta seperti Kolej Utama, Kolej Jaiputra dan Institut Tun Razak. Terdapat beberapa Institut perindustrian di Pengkalan Chepa, sebuah Politeknik, sebuah Sekolah Teknik, Pusat Giat Mara, 28 buah Sekolah Menengah, 87 buah Sekolah Rendah dan 19 buah Sekolah Agama.

Dari sudut kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam pula, terdapat lima rangkaian jalanraya utama, di antaranya jalan Kota Bharu-Tumpat yang menghubungkan Kelantan-Thailand, jalan Kuala Krai yang menghubungkan Kelantan-Pahang melalui jalanraya Gua Musang dan jalan Pasir Putih yang menghubungkan Kelantan-Terengganu.

Dari sudut pelancongan, rakyat negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan adat-resam dan sifat ketimuran yang mana mempunyai sistem hidup yang unik serta masyarakatnya yang lemah lembut dan peramah. Dengan sebab inilah kerajaan negeri telah mengistiharkan Kota Bharu sebagai “Kota Budaya”.⁷

1.3 PENGERTIAN DAN PERUMUSAN MASALAH

Sebelum penulis terus menelusuri disertasi ini, ada baiknya dijelaskan tajuk kajian ini secara terperinci, agar gambaran jelas terhadapnya dapat dihasilkan. Tajuk tersebut ialah “*Ihya’ Ramadan Melalui Solat Tarawih Dalam Masyarakat Kelantan - Satu Kajian Kes Di Jajahan Kota Bharu*”.

- *Ihya’*

Diambil dari perkataan dasar iaitu *ahyā'*, yang bermaksud menghidupkan atau penghayatan dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Sebagai contoh *ahyā' al lail wa qama fihi wasaharahu* bermaksud “menghidupkan malam iaitu bangun dan berjaga pada waktu malam dengan berbuat sesuatu yang dikehendaki”.⁸

- Ramadan

Diambil dari perkataan dasar iaitu *ramada*, yang bermaksud sangat terik atau panas yang sangat terik.⁹ Kebiasaan orang Arab pada masa dahulu menamakan nama bulan mengikut situasi dan keadaan bulan yang dilalui. Kebetulannya, bulan Ramadan berlaku pada musim panas yang bersanggatan, maka mereka menamakan bulan tersebut sebagai bulan Ramadan.¹⁰

- Melalui Solat Tarawih

“Melalui” bermakna mengikuti.¹¹ “Solat” dari segi bahasa adalah doa, dari segi istilah ialah perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan *takbiratul ihram* dan disudahi dengan salam.¹² “Tarawih” adalah dalam bentuk jamak, manakala dalam bentuk mufrad ialah *tarwihah*, bermaksud sembahyang yang ditunaikan dalam bulan Ramadan selepas solat Isyak serta rehat setiap dua rakaat.¹³

- Dalam Masyarakat Kelantan

“Dalam” bermaksud mengenai atau tentang.¹⁴ “Masyarakat” ialah kumpulan orang yang hidup bersama di suatu tempat dengan cara dan peraturan tertentu.¹⁵ Manakala “Kelantan” ialah salah sebuah negeri yang terletak di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia dengan keluasan 14,894 Km dan Kota Bharu sebagai ibu negerinya.¹⁶

- Satu Kajian Kes

“Satu” bermaksud angka pertama dalam bilangan.¹⁷ “Kajian” ialah hasil penyelidikan dan pemeriksaan terhadap sesuatu.¹⁸ “Kes” bermaksud suatu perkara yang berlaku atau keadaan khusus yang berhubung dengan sesuatu hal.¹⁹

- Di Jajahan Kota Bharu

“Di” menunjukkan kata sendi atau kata depan yang menunjukkan tempat dan lain-lain.²⁰ “Jajahan” ialah kawasan yang termasuk dalam sesebuah pentadbiran atau daerah atau negeri yang dijajah.²¹ “Kota Bharu” ialah ibu negeri Kelantan dan merupakan nadi kepada pentadbiran dan pembangunan sosial ekonomi keseluruhannya.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Di sini penulis menjelaskan beberapa tujuan dan objektif kajian.

1. Dapat mendedahkan masalah kajian kepada masyarakat umum agar mereka dapat memahami konsep sebenar solat tarawih.
2. Untuk menyangkal dakwaan sesetengah masyarakat yang beranggapan bahawa kajian mengenai solat tarawih adalah usaha sia-sia.
3. Untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada anggota masyarakat Islam khususnya dan bukan Islam umumnya tentang kepentingan bersatu-padu dalam apa jua kegiatan dalam kehidupan seperti pengamalan solat tarawih berjemaah di Dataran MPKB.
4. Untuk memberi penjelasan kepada masyarakat tentang *ihya* Rama dan bukanlah pentakrifan yang sempit bahkan meliputi segala kegiatan bersifat rohani dan jasmani.
5. Dapat memberi pendedahan kepada masyarakat agar jangan sekali-kali berselisih faham sehingga berlaku percaduhan dalam masalah furuk, contohnya permasalahan sekitar solat tarawih yang tidak memberi apa-apa keuntungan kepada mereka.

6. Ingin mengetahui pengamalan dan penghayatan masyarakat Islam terhadap ibadat solat tarawih berdasarkan syariat Islam.
7. Ingin meninjau sejauhmana kefahaman masyarakat Islam di Kota Bharu tentang kepentingan solat tarawih.
8. Sebagai memenuhi syarat wajib bagi memperolehi ijazah Sarjana Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

1.5 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi berasal dari perkataan yunani (Latin) iaitu Methodus yang bermaksud cara dan logus / logia / logy bererti ilmu tentang cara.²²

Penyelidikan pula bermaksud tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru. Ia merupakan usaha yang teratur bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan khusus yang dikemukakan tentang sesuatu masalah yang hakikat sudah dikenal pasti.²³

Dalam suatu pengkajian atau penyelidikan, metod merupakan sesuatu yang penting kerana ianya merupakan tatacara untuk mencari jawapan persoalan khusus yang telah dikemukakan tentang sesuatu masalah.

Bagi kajian ini penulis akan menggunakan beberapa metod. Metod-metod yang akan digunakan ialah :

1.5.1 Metod Penentuan Subjek

1.5.2 Metod Pengumpulan Data

1.5.3 Metod Analisis Data

1.5.1 Metod Penentuan Subjek

Dalam menjalankan penelitian dan penyelidikan mengenai disertasi ini, Penulis menggunakan metod *sampling* iaitu Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), tiga buah masjid bandar iaitu Masjid Muhammadi, Masjid Kubang Kerian dan Masjid Pengkalan Chepa, 8 buah masjid mukim yang berdasarkan empat penjuru. Penulis menggunakan metod ini dengan tujuan untuk memudahkan bagi penulis membuat kajian dan mendapatkan maklumat mengenai *ihya*²⁴ Ramadan melalui solat tarawih di kawasan tersebut.

Ini kerana terdapat hampir 118 buah masjid di jajahan Kota Bharu. Enam masjid bandar dan 112 buah masjid mukim.²⁴ Oleh itu menjadi masalah dan kerumitan kepada penulis untuk mengkaji semua masjid tersebut. Dengan

menggunakan metod ini Masjid Muhammadi, Masjid Kubang Kerian dan Masjid Pengkalan Chepa, beberapa buah masjid mukim berdasarkan empat penjuru dijadikan *sampel* kepada semua masjid yang terdapat di Kelantan secara umumnya.

1.5.2. Metod Pengumpulan Data

Di dalam proses pengumpulan data, penulis akan menggunakan beberapa jenis metod iaitu:

- a) Metod Historis
- b) Metod Dokumentasi
- c) Metod Interview
- d) Metod Observasi
- e) Metod Kaji Selidik

a) Metod Historis

Metod Historis ialah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Ia digunakan dengan tumpuan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah.²⁵ Penulis menggunakan metod ini untuk mendapat data-data berikut :

- a) Latar belakang masalah dalam bab pertama.

- b) Konsep *iḥyā'* Ramadan dan solat tarawih iaitu sejarah solat tarawih dalam bab kedua.
- c) Pengenalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Maahad Tahfiz Al Quran Pulai Chondong (MTAQ), Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN).

b) Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubung-kait dengan masalah kajian. Dokumen bererti benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan termasuklah gambar-gambar, potret, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku atau cacatan harian, memori, surat khabar dan cerita-cerita rakyat.²⁶

Al-Quran dan hadis juga boleh di anggap dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya.²⁷

Dalam kajian ini penulis menjelajahi beberapa buah perpustakaan di antaranya:

- 1- Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- 2- Perpustakaan Majalah, Universiti Malaya.
- 3- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.
- 4- Perpustakaan Pusat Islam.
- 5- Perpustakaan Awam negeri Kelantan.

c) Metod Interview

Interview atau temubual ialah suatu perbincangan antara 2 orang untuk membincangkan sesuatu perkara. Ianya di gunakan untuk mendapatkan keterangan secara lisan daripada responden dengan cara bersempua dengannya.²⁸

Untuk tujuan ini, penulis telah mengenal pasti beberapa orang responden yang ada kaitan dengan persoalan kajian sama ada secara langsung atau tidak dalam sesi temubual itu. Soalan-soalan disediakan terlebih dahulu agar temubual penulis dengan responden berjalan dengan lancar, terarah serta sistematis.

d) Metod Observasi

Metod Observasi ialah suatu cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian di mana penulis terjun sendiri ke lapangan. Ia bertujuan untuk mendapatkan data yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain.

Penulis membuat pemerhatian terhadap keadaan masyarakat di tempat yang menjadi fokus kajian ini pada sebelum Ramadan, dalam bulan Ramadan dan selepas bulan Ramadan khususnya pada tahun 1998. Dari sini penulis akan dapat membuat kesimpulan hasil dari pemerhatian tersebut.

e) Metod Kaji Selidik

Metod ini perlu bagi mendapat data primer bagi kajian ini. Bagi maksud ini penulis merangka dan membentuk satu borang selidik yang mengandungi beberapa soalan yang berkaitan untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat bagi mencapai objektif kajian ini.

Pembentukan soalan-soalan yang berhubung-kait dengan kajian, kebanyakannya disediakan alternatif jawapan supaya dapat membantu responden menjawab dengan lebih mudah dan selesa. Di samping itu ia menjimatkan

masa sama ada pihak responden maupun penulis sendiri. Penulis juga menggunakan soalan terbuka yang melibatkan pandangan responden.

1.5.3 Metod Analisis Data.

Semua data dan maklumat yang diperolehi sebelumnya dianalisis dalam bentuk penulisan ilmiah secara teratur dan rapi. Untuk itu penulis menggunakan metod berikut.

- a) Metod Induktif
- b) Metod Deduktif
- c) Metod Komperatif

a) Metod Induktif

Metod ini merupakan suatu kaedah menganalisis data yang dihasilkan melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian dari dalil-dalil yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum.²⁹

Penulis menggunakan metod ini dalam mengkaji data-data dan maklumat-maklumat yang bersifat khusus hasil kajian terhadap “*Ihya’* Ramadan Melalui Solat Tarawih Dalam Jajahan Kota Bharu” sebagai simbol

dan panduan secara umum bagi masyarakat yang tinggal di jajahan lain di Kelantan.

b) Metod Deduktif

Metod deduktif adalah suatu cara menganalisis data berdasarkan pola berfikir yang menjadi pembuktian kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.

Metod ini digunakan dalam bab kedua iaitu konsep solat tarawih. Walaupun ada dalil yang mengkhususkan hukum solat tarawih bagi peribadi Rasulullah tetapi ianya bersifat umum kepada umatnya.

c) Metod komperatif

Metod ini adalah suatu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan faktor yang diperolehi dalam penyelidikan.

Penulis menggunakan metod ini untuk membuat perbandingan di antara data-data yang diperolehi dari metod-metod yang digunakan sebelum ini. Hasil perbandingan ini dibuat kesimpulan terhadap persoalan yang dikaji.

1.6 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam bab pertama penulis menjelaskan tentang latar belakang lokasi kajian iaitu jajahan Kota Bharu yang menjadi fokus utama kajian penulis, keistimewaan dan suasana masyarakatnya. Penulis juga menjelaskan beberapa tujuan dan objektif kajian ini yang sepatutnya diambil berat oleh setiap umat Islam. Penulis juga menyatakan penggunaan metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

Dalam bab kedua penulis menjelaskan konsep *iḥyā'* Ramadan dan solat tarawih yang melibatkan takrif, kepentingan dan kelebihan *iḥyā'* Ramadan. Seterusnya diikuti dengan pengertian, sejarah solat tarawih, sebab-sebab dinamakan *qiyām* Ramadan sebagai tarawih dan lain-lain. Di akhir bab ini penulis memaparkan beberapa permasalahan sekitar solat tarawih yang menjadi pertikaian dan perdebatan oleh segelintir masyarakat.

Bab ketiga pula penulis membincangkan tentang pelaksanaan atau proses *iḥyā'* Ramadan yang mana peranannya turut dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuklah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong (MTAQ); Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN).

Dalam bab keempat, penulis mengemukakan laporan hasil penyelidikan yang dibuat iaitu dengan menganalisis data-data dan maklumat yang diperolehi. Antaranya analisis terhadap makmun di Dataran MPKB, tiga buah masjid bandar (Masjid Muhammadi, Masjid Kubang Kerian dan Masjid Pengkalan Chepa) dan 8 buah masjid mukim. Ianya berasaskan kepada beberapa segi disekitar solat tarawih seperti bilangan rakaat, bacaan surah, bacaan selawat di antara solat, panjang pendek surah yang dibaca dan lain-lain. Demikian juga analisis data terhadap semua lapisan masyarakat sama ada dikalangan umat Islam mahupun bukan Islam mengenai solat tarawih yang diadakan di tempat terbuka iaitu di Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Di akhir bab ini diselitkan beberapa komen yang diperolehi dari masyarakat bukan Islam tentang penggunaan pembesar suara, kedudukan tempat solat tarawih di kawasan terbuka dan lain-lainnya.

Akhir sekali dalam bab kelima penulis membuat beberapa rumusan terhadap hasil kajian yang dibuat dan diikuti dengan kesimpulan dan saranan yang penulis rasakan perlu diketengahkan dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Nota Hujung

1. Fadl Hassan Ḥabbas (1988), *at-Taudīḥ Fi Solātai al-Tarāwīḥ Wa at-Tasābih*, Cet. 1, Jordan: Dār al-Furqān, hlm. 41.
2. *Ibid.*, hlm. 41.
3. Lihat lapuran Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu dalam buku Sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan 1998 yang bertema “Raja Berdaulat Rakyat Muafakat, Pemangkin Ummah”.
4. *Ibid.*
5. *Ibid.*
6. Lihat lapuran Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu dalam buku Sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan 1995 yang bertema “Raja Berdaulat Rakyat Berkat”.
7. *Ibid.*
8. *Al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-Ālam*, Cet.30 (1988), Beirut: Dār al-Masyriq, hlm 165.
9. Ahmad al-‘Ayd (1986), *al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*, al-Munadzzamat al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiah Wa Thakafah Wal ‘Ulūm, hlm. 551.
10. Ibn Manzur (1993), *Lisan al-‘Arab*, Jld. 1, Cet. 2, Beirut: Dār iḥyā’ at-Turāth al-‘Arabi, hlm. 316.
11. *Kamus Pelajar*, Cet. 9 (1993), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 376.
12. Sayyid Sabiq (1993), *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 1, Cet. 10, Qāhirah: al-Fath Lil īlām al-‘Arabī, hlm. 70.

13. Ahmad al-Āyid, *Op. Cit.*, hlm. 558.
14. Kamus Pelajar, *Op. Cit.*, hlm. 134.
15. *Ibid.*, hlm. 437
16. Tenku Iskandar (1996), *Kamus Dewan*, Edisi Ke-13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 608.
17. Kamus Pelajar, *Op. Cit.*, hlm. 596.
18. *Ibid.*, hlm. 299.
19. *Ibid.*, hlm. 340.
20. *Ibid.*, hlm. 153.
21. *Ibid.*, hlm. 272.
22. Bernadid (1982), *Arti Dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIIP, hlm. 15.
23. Ahmad Mihdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosiaekonomi*, Edisi Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3.
24. Lihat "Buku Harian Rasmi 1998", Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
25. Imam Bernadid, *Op.Cit.*, hlm. 502.
26. *Ibid.*, hlm. 55.
27. Abdul Halim Hj. Mat Diah (1986), *Falsafah Islam Di Institut Pengajian Tinggi Di Malaysia*, Yogyarkata: IAIN, hlm. 11.
28. Koentjaranight (1986), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia, hlm. 16.
29. Imam Bernadid, *Op. Cit.*, hlm. 52.

30. *Ibid.*

31. Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), Risalah : *Suatu Contoh Tentang Huraiian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin AIUM, hlm. 136.